

03/04/2000

Presiden Mol lawat pelabuhan Tanjung Pelepas

PELABUHAN Tanjung Pelepas (PTP) yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menerima kunjungan Presiden Operator Perkapalan, Mitsui OSK Line (Mol), Masaharu Ikuta pada 29 Mac lalu.

Beliau yang mengetuai rombongan bersama sembilan ahli delegasi Mol dari Kuala Lumpur dan Singapura itu disambut Pengerusi PTP, Datuk Mohd Taufik Abdullah dan Ketua Eksekutif PTP, Mohd Sidik Shaik Osman.

Dalam kenyataannya PTP berkata, kumpulan Mol adalah organisasi yang berpejabat di Jepun dan beroperasi di seluruh dunia yang merangkumi perkhidmatan udara, laut dan darat.

Syarikat itu menjana keuntungan daripada operasi pengendalian kapal, lori pengangkut dan operasi di pelabuhan.

Sebelum ini, PTP menerima kunjungan delegasi 19 Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun (JCCI) yang berpejabat di Singapura.

Rombongan terbabit melawat PTP untuk meninjau peluang perniagaan baru yang boleh dikuasai. JCCI di Singapura mewakili kepentingan perniagaan Jepun di negara itu yang terbahagi kepada beberapa ahli jawatankuasa.

Salah satu daripadanya ialah Kumpulan Pengangkutan termasuk perkapalan dan logistik yang diwakili oleh Pengarah Urusan NYK, Toshio Aoki yang turut mengetuai pertemuan dengan PTP pada 27 Mac lalu.

(END)